

Kontinjen UMT yakin raih emas

KUALA TERENGGANU - Kontinjen Sukan Air Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yakin mampu meraih tiga pingat emas pada Kejohanan Sukan Air Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) yang akan berlangsung di Empangan Batu Gombak, Kuala Lumpur pada 18 hingga 23 Mei ini.

Kontinjen UMT yang diwakili 20 atlet yang terpilih akan menyertai dua kategori yang dipertandingkan iaitu kategori perseorangan dan kategori berdua.

Menurut Ketua Saketeriat MASUM UMT, Siti Norian Yaakob, persembahan atlet dilihat begitu menyerlah berbanding

tahun lalu menyebabkan pihaknya lebih yakin untuk meraih lebih banyak pingat emas.

"Jika tahun lalu kontinjen kami berjaya meraih dua pingat emas, pencapaian tahun ini lebih baik, ia berdasarkan terhadap potensi yang sangat menyerlah ditunjukkan atlet kami," katanya kepada Sinar Harian.

Menurutnya, pihak mereka menjangkakan, atlet yang dihantar mampu meraih sekurang-kurangnya tiga pingat emas, sekali gus berjaya dinobatkan sebagai juara keseluruhan.